

**INSTITUT TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN MELAKA**

**RANCANGAN PERNIAGAAN
ASAS KEUSAHAWANAN
(ETR 300)**

**PERUSAHAAN SOS TIRAM
PEARL ENTERPRISE**

DISEDIAKAN OLEH:

AHMAD KAMAL NGADIRON	95651108
SAIFUL RIZAL MD. YUSOFF	95633416
HASNAH SURADI	95556312
KHAIRANI KHAIRUDIN	95517126
ANIZA YAAKOB	95458727
MOHD NAZLI ARIFFIN	95414109

DIB 5A

DISEDIAKAN UNTUK:

**EN. SHAMSUDIN HUSIN
PENSYARAH ETR 300**



INSTITUT TEKNOLOGI MARA

CAWANGAN MELAKA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh: **9hb. Julai 1997**
Surat Tuan:
Surat Kami: **100-CM(AKA 30/7B)**

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka
Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771
Telefax: 06-563963

06-5591067

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar-pelajar Institut Teknologi MARA, Melaka dan sedang mengikuti Kursus Diploma In Banking Studies. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai salah satu syarat bagi memenuhi keperluan matapelajaran mereka.

<u>Bil</u>	<u>Nama Pelajar</u>	<u>No. ITM</u>
1.	Ahmad Kamal Ngadiron	95651108
2.	Saiful Rizal Md Yusoff	95633416
3.	Hasnah Suradi	95556312
4.	Khairani Khairudin	95517126
5.	Aniza Yaakob	95458727
6.	Mohd Nazli Ariffin	95414109

Sehubungan dengan itu, dapat kiranya pihak tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik sahaja.

Sekian, di atas perhatian dan kerjasama daripada pihak tuan kami dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

ASMAH HJ. ZAINUDDIN
Ketua Kursus DIB
ITM Melaka.
b/p Provos

SURAT PENYERAHAN

Pelajar Semester 05
Diploma Pengurusan Bank
ITM Cawangan Melaka
78000 Alor Gajah
Melaka

28 Ogos 1997

Encik Shamsudin Bin Hussin
Pensyarah ETR 300
ITM Cawangan Melaka
78000 Alor Gajah
Melaka

Encik

Rancangan Perniagaan Perusahaan Memproses & Mengedar Sos Tiram
Merujuk kepada perkara di atas kami telah diarahkan menyediakan dan melengkapkan sebuah Rancangan Perniagaan bagi memenuhi syarat mata pelajaran ETR 300.

Rancangan Perniagaan ini mengandungi maklumat yang dibincangkan secara komprehensif termasuk matlamat, objektif, latar belakang perniagaan, rakan kongsi, pemasaran, pengedaran, pengurusan organisasi dan kewangan serta beberapa aspek lain.

Di dalam menjayakan projek ini beberapa pihak telah terlibat secara langsung atau tidak langsung di mana segala kerjasama mereka telah menghasilkan kejayaan bagi projek ini.

Kami berharap agar Rancangan Perniagaan ini akan memberi manfaat kepada semua pihak sebagai rujukan serta tujuan akademik yang lain.

Dengan ini, kami ingin menyerahkan Rancangan Perniagaan ini bagi penilaian dan komen dari pihak Encik.

Akhir kata, kami ucapkan ribuan terima kasih di atas segala sokongan dan tunjuk ajar dari pihak Encik.

Sekian, Terima Kasih.

Yang benar,

.....
AHMAD KAMAL BIN NGADIRON

.....
ANIZA BINTI YAAKOB

.....
HASNAH BINTI SURADI

.....
KHAIRANI BINTI KHAIRUDIN

.....
MOHD. NAZLI BIN ARIFFIN

.....
SAIFUL RIZAL BIN MD. YUSOFF @ RAMLI

1.0 PENGENALAN

Bidang keusahawanan merupakan satu bidang ekonomi yang amat menguntungkan. Namun begitu ia memerlukan kegigihan, ketabahan dan kesungguhan bagi menjayakan perniagaan yang ditubuhkan. Aspek lain yang penting ialah keyakinan diri, semangat juang yang tinggi, kreativiti, inovatif, berwawasan, berdaya saing dan peka terhadap dunia perniagaan yang semakin mencabar.

Bersesuaian dengan zaman yang serba moden ini, kami PEARL ENTERPRISE mengeluarkan barangan berbentuk baru yang bertujuan memberi kemudahan dan manfaat kepada pengguna. Selain daripada itu ia juga mengurangkan kos dan mengelakkan pembaziran.

Kami mengeluarkan satu produk iaitu sos tiram yang di namakan MUTIARA di mana ianya di pek dalam bungkusan kecil seberat 50 gram. Pada kebiasaannya sos tiram di jual dalam bentuk botol tetapi ia biasanya tidak tahan lama setelah digunakan sedikit.